

PERISYTIHARAN
KUMPULAN DUAY JAI DAN JARINGAN ORGANISASI HAK ASASI MANUSIA PATANI
28 FEBRUARI 2016
TIADA SIAPA BOLEH BINA KEDAMAIAAN DENGAN PERSEORANGAN
"No one can build peace alone"

DI SELURUH PELUSUK DUNIA YANG MENGALAMI PEPERANGAN SEKARANG SEPERTI YAMAN, SYIRIA, NAIGIRIA, SOMALIA, FILIPINA, INDONESIA. TENTU SEKALI TIKLA SEMUA TIDAK INGIN SUPAYA SUASANA NEGARA KITA SAMPAI KE TAHAP ITU. PEPERANGAN YANG MEMUSNAHKAN RUMAH KEDIAMAN DAN BERLAKU PERLARIAN, PERPISAHAN DAN KEHILANGAN. KITA TELAH GENAP TIGA TAHUN PROSES RUNDINGAN DAMAI ANTARA PIHAK YANG BERTELINGKAH UTAMA DI WILAYAH SELATAN. IA ADALAH SATU LANGKAH YANG PENTING DALAM PROSES KEDAMAIAAN YANG DI SOKONG OLEH PELBAGAI PIHAK. DAN YANG PENTING IALAH KEDAMAIAAN ADALAH KEMAHUAN PENDUDUK TEMPATAN. TETAPI DALAM TEMPOH TERSEBUT KITA JUGA MASIH MENGHAPI MASALAH YANG SAMA IALAH ITU PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA DARIPADA PIHAK YANG BERTELINGKAH. TIDAK KIRA DARI PIHAK PARTI B YANG MENGGUNA SENJATA MEMBUNUH WANITA DAN KANAK-KANAK. KEGANASAN YANG MENSASARKAN TEMPAT AWAM. SELAIAN ITU PERBUATAN DARI PARTI A PELAKSANAAN YANG TIDAK ADIL TERHADAP KANAK-KANAK DI BAWAH KUATKUASA UNDANG-UNDANG KHAS DALAM KAWASAN. PENYEKSAAN TERHADAP ORANG YANG DISYAKI DAN MENGUGUT PEMBELA HAK ASASI MANUSIA ATAU MEREKA YANG BERBEDA BERPANDANGAN DALAM Mencari Kedamaian.

DALAM PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA BANGSA-BANGSA BERSATU MENEGASKAN BAHAWA SEMUA MANUSIA MEMPUNYAI HAK KEBEBASAN UNTUK HIDUP DAN KETEGUHAN INDIVIDU, MANA-MANA INDIVIDU TIDAK BOLEH DI SEKSA ATAU HUKUMAN YANG GANAS , TANPA PERI KEMANUSIAA ATAU MENGHINA MARWAH DAN TIDAK BOLEH MENGURUNG INDIVIDU MENGIKUT SESUKA HATI. SEMUA YANG DI TUDUH KESALAHAN JENAYAH BERHAK UNTUK DI ANDAI BAHAWA DIA ADALAH ORANG YANG TIDAK BERSALAH TERLEBIH DAHULU SEHINGGA KEPUTUSAN MAHKAMAH.

DARIPADA FENOMINA YANG BERLAKU IA TIDAK SELARAS DENGAN PERISYTIHARAN ANTARABANGSA BERKENAAN DENGAN HAK ASASI KEMANUSIAAN YANG BERLAKU SELEPAS TAMATNYA PERANG DUNIA KE-2 DAN MENDAPAT PERSETUJUAN PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA YANG SADARI BAHAWA PELINDUNGAN HAK ASASI KEMANUSIAN YANG BERKUALITI ADALAH PERKARA PENTING YANG BOLEH MELAHIRKAN KEDAMAIAAN DAN KEMAJUAN DI DUNIA INI.

OLEH DEMIKIAN MEMASUKI TAHUN KE-4 PROSES RUNDINGAN DAMAI ADALAH PERKARA YANG MENCABARKAN PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN DALAM PROSES DAMAI UNTUK MENYEKAT PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA SEBAGAI SALAH SATU BATU PENGHALANG SUASANA PEMBINAAN KEDAMAIAAN.

KUMPULAN DUAYJAI DAN JARINGAN SEKUTU HAK ASASI MANUSIA PATANI INGIN MENYAMPAIKAN MESEJ KEPADA MEREKA YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM MEMBINA KEDAMAIAAN MENJADI REALITI IAITU SEMUA RAKYAT DARI PARTI A DAN PARTI B BAHAWA;

1.SUPAYA SEMUA RAKYAT PERLU SEDAR BAHAWA SEMUA MANUSIA MEMPUNYAI HAK UNTUK HIDUP SEBAGAI INDIVIDU, HAK UNTUK HIDUP SEBAGAI BERMASYARAKAT. DI SERU KEPADA SEMUA RAKYAT KITA MESTI JAGA HAK KITA DENGAN MENYAMPAIKAN MESEJ PELANGGARAN HAK ASASI YANG BERLAKU.

2.DI MINTA SUPAYA PARTI **A** YANG BERPERANAN PENTING DALAM MEMBINA KEDAMAIAAN MENJALANKAN TUGAS DENGAN PENUH KEIKHLASAN DAN MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA.

3.DI MINTA SUPAYA PARTI **B** YANG BERPERANAN PENTING DALAM MEMBINA KEDAMAIAAN BERSABAR DAN PEGAN TEGUH DENGAN PROSES DAMAI DAN MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA. KITA TIDAK BOLEH MENCAPAI KEDMAIAAN ATAU SUASANA DAMAI MAJU KE DEPAN JIKA TIDAK MEMNEGAMBIL BERAT TENTANG HAK ASASI MANUSIA.

